

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

BAHAWASANYA tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia telah diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu dihentikan tindakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda, dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan-perkataan "dari tarikh perintah itu". Pindaan seksyen 6. Akta 316.

Pengesahan perintah tahanan dan penahanan, dan tanggung rugi.

3. (1) Jika sesuatu perintah tahanan telah dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6 Akta ibu terhadap mana-mana orang semasa tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (kemudian daripada ini disebut "tempoh peralihan"), maka perintah tahanan itu dan penahanan yang dibuat menurutnya semasa tempoh peralihan itu, dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai, dan telah sentiasa dan pada setiap masa, sah dan menurut undang-undang walaupun tempoh yang telah diarahkan oleh perintah itu supaya orang itu ditahan telah bermula dari suatu tarikh yang lain daripada tarikh perintah tahanan itu dibuat.

(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua presiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini atau, jika dibawa atau dimulakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus dikekalkan, bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa jua yang dilakukan dengan sahnya berhubung dengan perintah tahanan atau penahanan yang diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang di bawah subseksyen (1), kecuali bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa presiding undang-undang sedemikian yang telah selesai dan keputusan muktamad mahkamah berkenaan dengannya telah diberikan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau bagi apa-apa rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat menurut Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (yang disebut "Akta" dalam Huraian ini).

2. Subseksyen (1) seksyen 6 Akta memberikan kuasa kepada Menteri membuat suatu perintah tahanan mengarahkan seseorang ditahan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh perintah itu. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen itu dengan memotong perkataan-perkataan "dari tarikh perintah itu" supaya selaras dengan undang-undang lain yang seumpama dengannya.

3. *Fasal 3 (1)* bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan yang dibuat, dan apa-apa penahanan yang dibuat menurut perintah itu, selepas mula berkuatkuasanya Akta tetapi sebelum mula berkuatkuasanya pindaan yang dicadangkan ini jika perintah tahanan itu telah berkuatkuasa dari suatu tarikh yang lain daripada tarikh perintah itu dibuat.

Fasal 3 (2) bertujuan melarang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa presiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penahanan yang disahkan di bawah *fasal 3 (1)*. Larangan ini, bagaimanapun, tidak terpakai bagi apa-apa presiding undang-undang jika mahkamah telah memberikan keputusan muktamadnya sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, atau jika ada rayuan berkenaan dengan keputusan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1604.]